

PM: Pakatan Shahrir - DAP memalukan

MELAKA 21 Ogos — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menyifatkan pakatan Shahrir — DAP sebagai satu tindakan yang memalukan orang Melayu.

Malah, kata Perdana Menteri, pakatan itu menggambarkan satu kompromi seorang pemimpin yang berfikiran sempit.

Beliau menegaskan, pakatan Shahrir — DAP itu jelas membuktikan bahawa bekas Menteri Kebajikan Masyarakat itu tidak uah seperti anggota DAP.

Ditanya, apakah dengan sokongan DAP itu akan menyebabkan undi Barisan Nasional dalam pilihanraya kecil Johor Baharu berpecah, Dr. Mahathir berkata:

“Orang yang nak sokong DAP akan tetap menyokong DAP dan orang yang nak menyokong BN akan tetap menyokong BN, jadi kita tak bimbang dengan taktik mereka itu.”

Perdana Menteri berkata demikian ketika menjawab pertanyaan pemberita selepas beliau merasmikan

bangunan baru Bank Negara cawangan Melaka di sini petang ini.

Dr. Mahathir juga menegaskan, pilihanraya kecil Johor Baharu yang dianggap sebagai platform untuk ‘menguji populariti’ pihak tertentu tidak akan mengugat keanggotaan UMNO (baru) dan pembangunan negara.

Sambil berkata, “Peluang kita untuk menang pilihanraya kecil Johor Baharu amatlah cerah dan sudah tentu kita akan menang,” Perdana Menteri menegaskan, kumpulan seperti itu adalah kumpulan minoriti yang hanya membuat kacau.

Beliau juga berkata, jika ada rancangan untuk mencari populariti seperti itu melalui pilihanraya kecil yang lain, Barisan Nasional (BN) tetap tidak bimbang.

Beliau menambah, mereka itu meletakkan jawatan sebagai ahli parlimen bukan sahaja bertujuan untuk mencari populariti malah sengaja hendak membazirkan wang kerajaan kerana setiap pilihanraya kecil memerlukan peruntukan wang yang banyak.

Dr. Mahathir menegaskan, rakyat tidak perlu gusar dengan pilihanraya kecil kerana yang memerintah adalah golongan majoriti yang dipilih oleh rakyat secara majoriti.

“Mereka adalah kumpulan minoriti yang sengaja hendak mengganggu kita tetapi ahli UMNO sekarang sudah lebih 900,000 dan kumpulan minoriti ini tidak mungkin akan mengganggu kita.

“Malah pilihanraya kecil seperti ini tidak akan menyebabkan tumpuan pembangunan kerajaan terganggu.”

“Lagi banyak orang seperti ini letak jawatan lagi baik, mereka bukan sahaja tidak ada gunanya kepada kita dan sesiapa pun malah mereka meletakkan jawatan pun bukan atas perintah kita, mereka sendiri yang berbuat begitu.

“Oleh itu kita tunggu dan lihatlah sahaja siapa yang betul tetapi insyaAllah saya fikir kita yang betul,” tegas Perdana Menteri.

Beliau yang juga Presiden UMNO (baru) hari ini berada di sini sehari suntuk untuk merasmikan beberapa acara rasmi.

Pagi ini, Dr. Mahathir melancarkan gerakan Setia Bersama Rakyat (SEMARAK) di Padang Pahlawan Bandar Hilir manakala pada sebelah petang pula menyertai pertandingan menyempit peringkat kebangsaan dan selepas itu merasmikan pula cawangan Bank Negara di sini.

Manakala di sebelah malamnya pula akan menghadiri jamuan makan malam SEMARAK di kediaman rasmi Ketua Menteri, Datuk Sri Rahim Tamby Chik di Seri Bendahara di sini